

## **Ciri-Ciri Linguistik Dalam Kebolehbacaan Teks Berbahasa Arab**

***Ahmad Sabri Noh\*, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Kaseh A. Bakar &  
Wan Hamiah Wan Mahmud***

*Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia  
sobrinz11@gmail.com\**

### **ABSTRAK**

Teks bacaan bahasa Arab bukan sahaja berperanan sebagai medium pembelajaran bahasa, bahkan sebagai wadah untuk mendalami ilmu Islam. Pendekatan memilih bahan bacaan yang sesuai dengan tahap penguasaan berbahasa Arab pelajar adalah penting bagi memastikan kesinambungan peradaban Islam melalui budaya membaca. Membaca melibatkan proses yang aktif dan konstruktif untuk membina makna daripada konteks berdasarkan kemahiran berbahasa dan pengetahuan sedia ada yang menyumbang kepada keberkesanan pemahaman. Keberkesanan pemahaman mempunyai hubungan yang kuat dengan pengetahuan kosa kata pembaca seperti perkataan yang biasa dan kerap digunakan. Panjang ayat, struktur ayat mudah dan ayat kompleks juga mempengaruhi kebolehbacaan teks. Selain dari itu, kesamaan bahasa ibunda dan bahasa kedua juga membantu memudahkan pembacaan dan memahami teks. Penggunaan kata hubung dan penanda wacana juga menentukan tahap kebolehbacaan teks kerana kata tersebut membantu memudahkan integrasi idea dalam memori seterusnya memudahkan pemahaman. Ciri-ciri tatabahasa juga harus diambil kira kerana ia relevan dengan pembaca bahasa kedua yang berbeza dari segi pengalaman pembelajaran dengan pembaca bahasa pertama. Kajian ciri-ciri linguistik untuk menentukan tahap kebolehbacaan teks adalah penting bagi memilih buku teks dan bahan bacaan yang sesuai dengan seseorang pelajar di pelbagai peringkat memandangkan pengukuran kebolehbacaan teks berbahasa Arab untuk pembaca bukan jati masih lagi kurang.

### **ABSTRACT**

Arabic reading texts not only serve as a medium of learning and teaching, but also as a mean to deepen the knowledge of Islam. An approach in choosing reading materials that match the students' level of proficiency in Arabic is crucial to ensure continuity of Islamic civilization through reading. Reading involves an active and constructive process to construct meaning from context based on language skills and existing knowledge that contribute to the effectiveness of understanding. Therefore, the effectiveness of understanding the texts is said to have relationship with students' knowledge of vocabulary, for example the common and frequently used words. The length of the sentence, sentence structures as simple and complex sentences also influence the readability of the texts. Moreover, similar linguistic features of a native language and a second language also affect readability of the texts; thus, they facilitate readers to understand the texts effectively. The use of conjunctions and discourse markers also determine the level of readability because they assist integration of ideas in memory, hence facilitating understanding. In addition, grammar features should also be taken into account since they are relevant to a second language reader who is different from a first language reader in language learning experience. Consequently, the study of linguistic features of the texts in order to determine the level of readability is pivotal. This is because, the mean to measure readability in choosing textbooks and reading materials that match Arabic non-native students' language proficiency at various levels is still lacking.

### **PENDAHULUAN**

Buku teks berbahasa Arab merupakan sumber pembelajaran yang penting khususnya dalam ilmu pengetahuan Islam. Pemilihan buku teks dan bahan bacaan yang sesuai dengan pembaca

sasaran adalah perlu diambil perhatian bagi memastikan kesinambungan peradaban Islam melalui budaya membaca. Minat serta kesedaran terhadap kepentingan mendapatkan pengetahuan melalui pembacaan bahan bacaan berbahasa Arab harus sentiasa disemai dengan mengambil pendekatan memilih buku teks dan bahan bacaan yang sesuai dengan tahap penguasaan berbahasa pelajar (Wan Azura & Lubna 2006), lebih-lebih lagi pembaca bukan penutur jati.

Ini adalah penting kerana pelajar bukan penutur jati yang berada di negara bukan Arab mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran berbahasa Arab yang berbeza dengan pelajar Arab atau pelajar yang berada di negara Arab. Perbezaan tahap penguasaan bahasa ini memerlukan penekanan pada pemilihan teks yang bersesuaian untuk membantu pemahaman. Dalam kalangan pelajar bukan penutur jati, mereka menghadapi kesukaran membaca bahan bacaan dan rujukan yang kebanyakannya ditulis oleh penulis-penulis Arab untuk pembaca Arab jati.

Suasana pelajar yang sentiasa bergantung kepada bimbingan dan kupasan guru tanpa usaha sendiri ini adalah kerana berikutan daripada penulisan dan pemilihan buku teks yang kurang mengambil berat berkenaan interaksi antara pembaca dan teks (Janan 2011). Penulisan atau pemilihan buku teks yang digunakan kurang diberi penekanan terhadap aspek kesesuaian ciri-ciri linguistik teks dan tahap berbahasa pembaca (Zulazhan 2012).

Seandainya usaha padanan buku teks berbahasa Arab dan pembaca sasaran kurang diambil perhatian, hal ini akan menjurus kepada kegagalan mencapai matlamat dan objektif pembelajaran bahasa Arab terutamanya di Malaysia; iaitu murid dapat berinteraksi dengan teks-teks berbahasa Arab khususnya dalam bidang pengajian agama dengan baik. Oleh itu, bagi membolehkan pelajar berusaha sendiri, mereka hendaklah diberi peluang untuk memahami bahan bacaan dengan memilih dan menyediakan bahan bacaan yang bersesuaian dengan tahap pencapaian berbahasa mereka untuk menarik minat mereka meneruskan pembacaan secara sendiri (al-Khalifa & al-Ajlan 2010).

Ketidaksesuaian antara ciri-ciri linguistik dalam teks dan tahap berbahasa pembaca boleh menjejaskan motivasi mereka untuk membaca dan mendalami teks bahasa Arab walaupun mereka mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan membaca bahan bacaan bahasa Arab (Ahmad Sabri 2008; Doka 2000), sebagaimana yang dinyatakan oleh Grabe dan Stoller (2002), bahawa motivasi merupakan faktor penting dalam perkembangan membaca.

Oleh yang demikian, kekerapan ciri-ciri linguistik dalam buku teks yang digunakan oleh pembaca bukan penutur jati haruslah sepadan dengan tahap berbahasa Arab mereka. Hal ini penting bagi penulis buku teks untuk menyediakan teks yang sesuai atau menulis semula buku teks atau buku rujukan dalam versi yang mudah terutama kepada pelajar bukan penutur bahasa Arab.

## **KONSEP MEMBACA DAN KEBOLEHBACAAN**

Membaca merupakan salah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar untuk meningkatkan penguasaan sesuatu bahasa terutama dalam konteks Malaysia yang kurang terdedah kepada suasana pertuturan dalam bahasa Arab. Dengan ini, buku merupakan wadah utama pelajar untuk meningkatkan kemahiran berbahasa Arab (Nik Farhan et al. 2006; Nik Mohd Rahimi 1998). Membaca adalah aktiviti yang kompleks yang melibatkan berbagai-bagai proses yang berlaku serentak. Ia adalah proses konstruktif kerana pembaca membina makna daripada interaksi antara pembaca dan penulisan bahan bacaan. Semasa proses membaca, pembaca

membina persepsi dengan memproses pengetahuan linguistik dan menganalisis konsep yang disampaikan oleh penulis (Perfetti 1985). Dalam masa yang sama, pembaca juga mengaitkan maklumat dalam bahan bacaan dengan pengetahuan sedia ada (Koda 2005).

Membaca boleh didefinisikan sebagai proses yang melibatkan interaksi secara langsung antara pembaca dan penulis, yang mana penulis menyampaikan idea dalam jalinan perkataan dan ayat kepada pembaca. Oleh itu, pengetahuan linguistik pembaca seperti kosa kata dan struktur ayat dan susunan ayat menyumbang kepada interaksi yang berkesan antara pembaca dan teks yang mana membantu pembaca memahami teks (Harison 2010). Menurut Kendeou et al. (2011), Guthrie (2004) serta Furrer dan Skinner (2003), apabila pembaca dapat mengaitkan pengetahuan sedia ada dengan teks yang dibaca, ia akan meningkatkan keyakinan pembaca membaca bahan yang dibaca dan seterusnya meningkatkan kefahaman mereka dalam pembacaan.

Pearson et al. (1979) juga melihat membaca sebagai satu proses yang aktif dan konstruktif dalam membina makna daripada medium bertulis berdasarkan kemahiran berbahasa dan pengetahuan sedia ada yang menyumbang kepada proses kefahaman yang berkesan. Manakala, Rumelhart (1977) menerangkan konsep membaca sebagai merujuk kepada perlakuan kognitif yang berasaskan kepada pengetahuan yang terbentuk dari sebahagian daripada struktur kognitif pembaca. Proses membaca bermula dengan struktur kognitif, iaitu apa yang pembaca ketahui dan apa yang tersimpan dalam skema dalam memori jangka panjang. Pembaca haruslah mempunyai pengetahuan bahasa dalam bentuk penulisan dan mengetahui tentang topik yang disampaikan dalam teks untuk memastikan maklumat yang disampaikan dalam teks boleh difahami.

Kebolehbacaan pula boleh dikaitkan dengan bidang kajian dalam menentukan sukar senang sesuatu teks untuk pembaca sasaran. Menurut Klare (1969), kebolehbacaan adalah merupakan susah senang teks dibaca sama ada dari segi tulisan, kelicinan penulisan dan gaya penulisan yang baik. Senang sukar teks dibaca akan menentukan minat untuk meneruskan pembacaan serta memahami teks yang dibaca dengan baik. Manakala Pikulski (2002) menjelaskan kebolehbacaan sebagai satu ukuran pada sesuatu bahan bacaan yang bersandarkan kepada ciri-ciri teks dan ciri-ciri dalam diri pembaca.

Oleh itu, pemilihan dan penulisan teks bacaan yang bersesuaian dengan pembaca perlu diberi keutamaan agar pembaca boleh merangsang dan mengaitkan maklumat dalam teks dengan pengetahuan sedia adanya semasa membaca dan selepas pembacaan (Pakenham 1994, 2004; Pearson et al. 1992). Merujuk kepada penutur bahasa kedua, pembacaan bukanlah sekadar proses mengenal huruf dan membaca dari ayat ke ayat, tetapi melibatkan proses yang aktif dan konstruktif untuk membina makna daripada konteks berdasarkan kemahiran berbahasa dan pengetahuan sedia ada yang menyumbang kepada keberkesanan pemahaman (Pakenham 1994, 2004; Pearson et al. 1992).

Menentukan kebolehbacaan teks adalah usaha untuk memadankan teks dengan pembaca dengan mengambil kira proses interaksi antara pembaca dan teks yang dibaca. Oleh yang demikian, faktor pembaca termasuk kemahiran berbahasa iaitu pengetahuan kosa kata, tatabahasa dan kemahiran memahami struktur ayat, haruslah sepadan dengan faktor teks iaitu faktor penggunaan perkataan, struktur ayat dan organisasi teks yang sesuai supaya pembaca dapat membaca, membuat tafsiran, dan memahami teks dengan lebih berkesan.

Kebolehan membaca yang sesuai dengan bahan bacaan memudahkan pembaca membaca dan memahami teks. Sebaliknya, pembaca akan mengalami kesukaran untuk membaca dan memahami

bahan bacaan yang lebih tinggi daripada tahap berbahasa mereka. Ternyata kesepadanan tahap penguasaan bahasa pembaca dan ciri-ciri linguistik bahan bacaan perlu dikaji kerana kesukaran pembaca dalam interaksi dengan teks boleh mengganggu proses pembelajaran.

### **ISU KEBOLEHBACAAN BAHAN BACAAN BERBAHASA ARAB: PERSPEKTIF PEMBACAAN DALAM KALANGAN PEMBACA BUKAN PENUTUR JATI**

Bahasa Arab di Malaysia bukanlah merupakan bahasa pertuturan dalam kalangan masyarakat Malaysia, malah ia berfungsi sebagai bahasa untuk mendapatkan pengetahuan terutamanya dalam ilmu agama. Keperluan mempelajari bahasa Arab lebih tertumpu pada kemahiran membaca, untuk menguasai ilmu dan juga kemahiran berbahasa. Sehubungan dengan itu, buku teks merupakan bahan bantu pengajaran dan pembelajaran yang utama. Buku teks perlu bersifat mesra pelajar, sesuai dengan tahap pelajar, memberi motivasi serta menarik minat (William et al. 2002). Kesesuaian buku teks perlu dititikberatkan untuk memastikan objektif pembelajaran yang digariskan dapat dicapai apabila pelajar mampu berinteraksi dengan buku teks secara berkesan dan optimum seterusnya menggalakkan pembelajaran sendiri.

Pelajar bukan penutur jati masih berusaha gigih dalam menguasai kemahiran berbahasa Arab dan mereka menghadapi kesukaran dalam memahami teks berbahasa Arab. Tambahan pula, kurangnya usaha dalam pemilihan teks yang sesuai dengan tahap penguasaan bahasa pembaca, memberi kesan terhadap kelangsungan motivasi membaca yang mana menyebabkan idea atau maklumat yang disampaikan oleh penulis tidak dapat difahami oleh pembaca. Oleh yang demikian, penyediaan teks bacaan yang sesuai dengan tahap kebolehan membaca dari sudut penggunaan perkataan dan laras bahasa yang sesuai dapat membantu meningkatkan motivasi dan minat untuk membaca, seterusnya meningkatkan kefahaman dan menambahkan ilmu pengetahuan (DuBay 2002).

Walau bagaimanapun, pengukuran kebolehbacaan teks bahasa Arab dan kajian kebolehbacaan bahasa Arab masih lagi asing terutama di Malaysia (Kamarulzaman 2010), tidak seperti mana pengukuran kebolehbacaan bahasa Inggeris yang sudah lama diterokai dan terus berkembang sehingga kini (al-Khalifa & al-Ajlan 2010).

Dalam konteks pelajar Malaysia yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau bahasa asing, yang berusaha untuk mendapatkan pengetahuan ilmu agama dari teks berbahasa Arab menghadapi kesukaran apabila mereka kurang memahami teks tersebut dan seterusnya ini akan menghilangkan minat untuk mendalaminya (Kamarulzaman et al. 2006). Salah satu masalah yang dikesan adalah terlalu kurang usaha mengukur tahap sukar senang bahan bacaan yang digunakan sebagai teks mata pelajaran yang pada asalnya buku tersebut disusun untuk pelajar Arab dan kemudiannya digunakan oleh pelajar Malaysia (Azhar et al. 2006; Azharuddin 2005).

Pemilihan teks bacaan yang bersesuaian adalah penting kerana antara faktor kelemahan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar adalah interaksi murid dan bahan bacaan dalam bahasa Arab kurang baik. Pelajar juga dikatakan kurang mempunyai keyakinan diri dalam memahami pelajaran yang dipelajarinya secara sendiri dan banyak bergantung pada guru kerana pengetahuan mereka terbatas. Ini adalah kerana mereka tidak memahami teks yang dibaca secara bersendirian terutamanya teks bacaan asli penutur jati dan mereka memerlukan kupasan dan terjemahan daripada guru (Rosni 2009). Oleh yang demikian, bagi membolehkan pelajar berusaha sendiri, mereka hendaklah diberi peluang untuk memahami bahan bacaan dengan memilih dan menyediakan bahan

bacaan yang bersesuaian dengan tahap pencapaian berbahasa mereka untuk menarik minat mereka meneruskan pembacaan secara sendiri (al-Khalifa & al-Ajlan 2010).

Namun di Malaysia, boleh dikatakan usaha untuk menilai kesesuaian teks dengan tahap kemampuan pembaca untuk memahami bahan bacaan masih lagi berkurangan dan meminggirkan kepentingan kepelbagaian individu (Khadijah Rohani 1989) lebih-lebih lagi dalam menilai teks bacaan dalam bahasa Arab.

Menurut Kamarulzaman (2010) dalam konteks teks bacaan bahasa Arab, usaha untuk mengukur kebolehbacaan sesebuah buku teks Arab dalam konteks pembaca bukan penutur jati masih lagi kurang. Kekurangan pengetahuan dan kemahiran berbahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan penutur jati menyukarkan mereka membaca bahan bacaan dan rujukan yang kebanyakannya ditulis oleh penulis-penulis Arab untuk pembaca Arab jati. Malah kurikulum agama al-Azhar yang digunakan di sekolah-sekolah agama juga berorientasikan laras bahasa untuk pembaca Arab.

Walaupun terdapat usaha untuk menilai tahap kebolehbacaan buku teks mata pelajaran aliran agama telah dijalankan oleh Zulazhan (2012) dan Kamarulzaman (2010), kajian kebolehbacaan mereka berdasarkan skor kaji selidik persepsi pelajar dan guru terhadap buku teks tertentu dan juga menggunakan skor ujian klox. Namun, persepsi individu adalah subjektif dan pelaksanaan ujian klox memerlukan masa dan kemahiran (Hamilton & Shinn 2003; Sperling 2006). Oleh itu, bagi menentukan tahap kebolehbacaan, formula kebolehbacaan adalah perlu untuk mengukur tahap kebolehbacaan yang lebih objektif dan senang digunakan untuk membantu pemilihan dan penulisan teks bacaan yang sesuai (Fry 2002).

Kajian membangunkan formula untuk mengukur kebolehbacaan bahan bacaan Arab telah dijalankan oleh Dawood (1977) dan Al-Heeti (1984) berdasarkan ciri-ciri linguistik iaitu purata panjang ayat, purata panjang perkataan dan bilangan perkataan kerap digunakan (al-Ajlan et al. 2008). Namun demikian, kajian yang dilakukan oleh pengkaji tersebut adalah menggunakan sampel teks daripada buku teks yang digunakan oleh penutur jati bahasa Arab. Oleh yang demikian, satu kajian bagi mengenal pasti ciri-ciri linguistik yang berpotensi menyumbang kepada kebolehbacaan teks yang digunakan oleh pelajar bukan penutur jati perlu diteruskan bagi mengenal pasti kaedah pengukuran kebolehbacaan teks yang digunakan sebagai buku teks dan bahan bacaan tambahan dalam pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar bukan penutur jati untuk menggalakkan pembacaan dalam kalangan mereka. Usaha ini penting untuk menilai semula buku teks yang digunakan. Seterusnya membantu penulisan semula buku teks tersebut dan memberi panduan kepada pihak tertentu dalam pemilihan buku teks (Klare 1976).

### **CIRI-CIRI LINGUISTIK DALAM PENGUKURAN KEBOLEHBACAAN TEKS**

Ciri-ciri perkataan telah dikenal pasti sebagai penyumbang kepada kebolehbacaan sesuatu teks berdasarkan sejarah kajian kebolehbacaan teks seperti Gray dan Leary (1935), Dale dan Chall (1948), Khadijah Rohani (1982), Badi (1982) dan lain-lain. Pengukuran kebolehbacaan teks berdasarkan faktor perkataan telah diukur menggunakan pelbagai kaedah (Chall 1974; Klare 1969) seperti mengukur kekerapan dan kebiasaan perkataan berdasarkan senarai kosa kata, bilangan suku kata dan jumlah perkataan abstrak dan teknikal. Teks yang sukar mempunyai banyak perkataan abstrak dan teknikal berbanding perkataan biasa dan kerap yang memerlukan pembaca membuat kesimpulan dari konteks (Chall 1958). Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian yang melibatkan bahasa Arab untuk bukan penutur jati seperti kajian Kamarulzaman (2010), Newbold dan Gillam (2010) Forsyth (2014) dan Nuraihan Mat Daud et al. (2013).

Keberkesanan pemahaman mempunyai hubungan yang kuat dengan pengetahuan kosa kata pembaca iaitu perkataan yang biasa dan kerap digunakan (Koda 2007). Hal ini berkaitan dengan konsep *threshold* iaitu pengetahuan kosa kata yang mana pembaca perlu mengetahui makna dan struktur perkataan untuk memahami teks dengan berkesan. *Threshold* ini adalah sempadan antara cukup dan tidak cukup pengetahuan kosa kata untuk memahami sesuatu teks (Grabe & Stoller 2002). Kajian *threshold* bahasa juga menunjukkan pembaca dapat memahami teks dengan mudah tanpa bimbingan guru sekiranya pembaca tersebut mempunyai pengetahuan makna perkataan sekurang-kurangnya 98 peratus (Carver 2000; Hsueh-Chao & Nation 2000; Koda 2007).

Hampir setiap pengkaji yang mengkaji faktor penyumbang kepada kebolehbacaan teks mendapati ciri-ciri struktur ayat mempengaruhi kebolehbacaan teks. Kaedah yang paling popular mengukur struktur ayat ialah dengan mengukur kepanjangan ayat berdasarkan bilangan perkataan dalam ayat. Cara kedua ialah dengan menghitung bilangan ayat-ayat kompleks dan mudah serta membandingkan antara kedua-duanya dari segi peratusan (Chall 1974; Klare 1969). Pengukuran kebolehbacaan teks berdasarkan kepanjangan telah digunakan oleh kebanyakan formula kebolehbacaan seperti formula Dale-Chall (1948), The Fog Index (1952), formula Spache (1953), formula Flesch-Kincaid (1975) dan formula Lexile Framework (1996).

Antara justifikasi penggunaannya adalah berdasarkan dapatan kajian yang menyatakan bahawa ayat yang panjang mempunyai struktur nahu yang lebih kompleks dengan hubungan antara klausa dan klausa yang mengelirukan. Ini adalah kerana sistem ingatan terpaksa menggabungkan beberapa bahagian perkataan sebelum tertubuhnya satu bahagian yang menyeluruh dan bermakna berbanding ayat yang pendek (Isakson & Spyridakis 2003; Khadijah Rohani 1989). Dapatan kajian terdahulu iaitu kajian oleh Kamarulzaman (2010) dan Zulazhan (2012), Cavalli-Sforza et al. (2014) dan Abdul Karim Al Tamimi et al. (2014) menunjukkan teks untuk pelajar di tingkatan tinggi lebih panjang sesuai dengan peningkatan tahap pembelajaran.

Walaupun, Perera (1980) mendapati, ayat panjang lebih mudah difahami kerana ia padat dengan petunjuk kepada makna dan hubungkait antara idea dan idea yang membantu memahami makna sesuatu ayat. Manakala Guthrie (1972) juga mendapati penggunaan klausa dan ayat panjang merupakan pemboleh ubah yang menyumbang secara signifikan kepada kebolehbacaan teks. Proses memahami teks menjadi sukar bagi pembaca di tahap rendah sekiranya tiada isyarat perkaitan antara idea kerana pembaca mempunyai pengetahuan sedia ada yang terhad.

Struktur ayat mudah dan ayat kompleks juga mempengaruhi kebolehbacaan teks seperti dalam dapatan kajian Isakson dan Spyridakis (2003), menunjukkan isi penting dapat difahami dan diingati dengan mudah sekiranya disampaikan dalam klausa bebas, ayat mudah berbanding ayat kompleks yang mengandungi klausa bersandar. Walaupun, ayat kompleks terdiri dari gabungan klausa bersandar dan klausa bebas yang dihubungkan dengan kata hubung dan penanda wacana yang berfungsi untuk memberi penerangan untuk idea, hubungkait antara idea dan idea, kelangsungan idea serta turutan idea. Sepertimana yang dijelaskan oleh Crossley et al (2008), pembaca di tahap rendah memerlukan isyarat kata hubung dan penanda wacana serta susun atur isi yang berstruktur untuk membantu mereka memahami teks. Ayat kompleks dan ayat mudah didapati menyumbang kepada kebolehbacaan teks (Badgett 2010).

Kebolehbacaan teks juga mengambil kira struktur ayat teks bahasa kedua (L2) yang menyamai

struktur ayat bahasa ibunda. Kesamaan bahasa ibunda dan bahasa kedua ini lebih membantu memudahkan pembacaan dan memahami teks. Pelajar bahasa kedua mengikut Grabe (1988) berkecenderungan memindahkan kemampuan dan kemahiran berbahasa dalam bahasa ibunda kepada bahasa kedua. Sekiranya struktur sintaksis ayat dalam bahasa kedua berbeza dengan bahasa ibunda, mereka mengambil masa dan melibatkan bebanan kognitif untuk memahami ayat. Koda (2005) mendapati bahawa pembaca bahasa kedua menggunakan kemahiran membaca dan pengetahuan bahasa dalam bahasa ibunda mereka untuk mengaitkan ciri-ciri linguistik teks dalam teks bahasa kedua yang dibaca.

Oleh yang demikian, sekiranya pelajar yang berada dalam peringkat permulaan pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing memerlukan pendedahan kepada bahasa kedua yang mudah difahami. Oleh yang demikian, bahasa kedua perlulah mempunyai persamaan dengan bahasa pertama dari segi struktur tatabahasa dan ayat. Aspek ini perlu ditekankan untuk menggalakkan perkembangan penguasaan bahasa kedua. Menurut Hawkins (2001), interaksi yang positif membantu perkembangan bahasa kedua secara berterusan. Interaksi positif ini melibatkan pembaca memindahkan pengetahuan dalam bahasa pertama kepada bahasa kedua. Sekiranya pembaca novis didedahkan dengan struktur bahasa yang asing pada mereka, mereka akan menghadapi kesukaran untuk memahami apa yang mereka baca (Nemati & Taghizadeh 2013).

Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab oleh penutur bukan jati di Malaysia, jenis ayat iaitu ayat kata nama menyumbang kepada kebolehbacaan teks. Hal ini adalah kerana pelajar Melayu terutamanya, lebih mahir menggunakan ayat kata nama berbanding ayat kata kerja kerana struktur ayat kata nama hampir sama dengan struktur ayat kata nama dalam bahasa Melayu (Sultan 2011; Kamarulzaman 2010; Zulazhan 2012).

Faktor-faktor lain yang juga mempengaruhi kefahaman pembaca ialah seperti penyusunan ayat untuk menyampaikan idea secara bersepadu, urutan dan logik untuk memudahkan pemahaman dengan menggunakan kata hubung dan penanda wacana tertentu. Kata hubung dan penanda wacana merupakan ciri yang penting dalam menentukan kebolehbacaan teks bahasa Arab moden kerana kekerapan kata hubung dan penanda wacana dalam teks membantu sistem pemrosesan maklumat semasa membaca dan seterusnya membantu pemahaman (Al-Saif dan Markert (2011).

Hal ini adalah kerana apabila pembaca membaca teks yang padat dengan idea tanpa petunjuk yang jelas tentang hubungan kait antara idea sebelum dan idea selepas, pembaca akan mengalami kesulitan dalam membina makna daripada idea yang disampaikan (Janan 2011). Oleh yang demikian, penggunaan kata hubung dan penanda wacana menentukan tahap kebolehbacaan teks kerana kata tersebut membantu memudahkan integrasi idea dalam memori seterusnya memudahkan pemahaman (Davison dan Kantor 1982; Graesser et al. 2004; Crossley et al. 2008).

Si dan Callan (2001), Liu et al. (2004), Schwarm dan Ostendorf (2005), Collins-Thompson dan Callan (2005) serta Heilman et al. (2007) juga membahaskan ciri-ciri tatabahasa juga harus diambil kira kerana ia lebih relevan dengan pembaca bahasa kedua kerana berbeza dengan pembaca bahasa pertama yang mempelajari tatabahasa seawal bermula pendidikan formal. Pembaca bahasa kedua menguasai kemahiran tatabahasa melalui pembacaan dan penggunaan buku teks dalam kelas. Hasil kajian mereka menunjukkan sintaksis (tatabahasa) dan leksikal merupakan pemboleh ubah yang menyumbang kepada kebolehbacaan teks.

Ciri-ciri linguistik sebagai faktor penyumbang kepada kebolehbacaan buku teks berbahasa Arab untuk pembaca bukan jati perlu dikaji bagi tujuan membangunkan kaedah untuk mengukur kebolehbacaan teks berbahasa Arab khususnya buku teks yang digunakan sebagai bahan bantu pengajaran dan pembelajaran dalam kelas.

## KESIMPULAN

Buku teks dan bahan bacaan merupakan sumber utama dalam pengajaran dan pembelajaran. Penyediaan bahan bacaan tanpa mengira kesesuaian dengan tahap pelajar mungkin boleh membantutkan minat dan motivasi pelajar untuk meneruskan pembacaan serta mendalami bahasa dan isi kandungan yang disampaikan oleh penulis. Kajian ciri-ciri linguistik yang menyumbang kepada kebolehbacaan teks untuk pelajar bukan penutur jati bahasa Arab terutama pelajar yang berada di negara bukan negara Arab perlu dijalankan. Hal ini adalah kerana pembaca bahasa kedua atau bahasa asing perlu teks yang kandungan, dari segi perbendaharaan kata dan topik mencerminkan realiti mereka, pengalaman sehari-hari dan gaya bahasa yang sepadan dengan jenis bahasa mereka. Hal yang demikian adalah kerana pembelajaran mereka adalah hasil pendedahan melalui keluarga mereka, guru-guru dan rakan-rakan. Oleh yang demikian, bagi menggalakkan dan membudayakan masyarakat Malaysia dengan tabiat membaca, khususnya bahan bacaan berbahasa Arab yang berteraskan pengetahuan Islam, penyediaan bahan yang baik adalah perlu diberi perhatian untuk membantu meningkatkan kemahiran membaca dan menjadikan bahan bacaan berbahasa Arab tidak asing dalam kalangan masyarakat Islam di negara ini dan menjadi sumber pengetahuan utama dalam membina masyarakat yang bertamadun.

## RUJUKAN

- Ahmad Sabri Noh. 2008. *The Relationship between Students' Attitude Towards Learning Arabic Language and Their Achievement in Lower Secondary Examination (PMR): A Case Study at Smka Maahad Hamidiah Kajang, Selangor*. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Al-Ajlan, A. A., Al-Khalifa, H. S. & Al-Salman, A. M. S. 2008. *Towards the Development of an Automatic Readability Measurements for Arabic Language*. Third International Conference on Digital Information Management, hlm. 506-511.
- Azhar Muhammad, Abdul Hafiz Abdullah, Bushrah Basiron, Kamarul Azmi Jasmi & Sulaiman Shakib Mohd Noor. 2006. *Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah Aliran Agama Terhadap Pengajian Ilmu Retorik (Balaghah) Arab*. Laporan Projek. Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial Universiti Teknologi Malaysia.
- Azharuddin Ahmad Azhar. 005. *Penggunaan Buku Teks Dalam Pengajaran Bahasa Arab Di Sekolah Agama: Satu Kajian Kes*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Badi, K. G. 1982. *Tahdid 'Awamil Al-Suhulah Wa Al-Su'ubah Fi Al-Maddahal-Maqrubah Lada Talamiz Al-Marhalah Al-Ibtidaiyyah*. Tesis PhD, University Ain Shams, Kaherah.
- Badgett, B. A. 2010. *Toward the Development of a Model to Estimate the Readability of Credentialing-Examination Materials*. Tesis PhD, University of Nevada, Las Vegas.
- Cavalli-Sforza, V., El Mezouar, M. & Saddiki, H. 2014. *Matching an Arabic Text to a Learners' Curriculum*.
- Carver, R. P. 2000. *The Causes of High and Low Reading Achievement*. Lawrence Erlbaum.
- Chall, J. S. 1958. *Readability: An Appraisal of Research and Application*. Ohio: The Bureau of Educational Research, Ohio State University.
- Chall, J. S. 1974. *Readability: An Appraisal of Research and Application*. Epping Essex: Bowker Publishing Company.



- Collins-Thompson, K. & Callan, J. 2005. *Predicting Reading Difficulty with Statistical Language Models*. Journal of the American Society for Information Science and Technology 56(13): 1448-1462.
- Crossley, S. A., Greenfield, J. & McNamara, D. S. 2008. *Assessing Text Readability Using Cognitively Based Indices*. Tesol Quarterly 42(3): 475-493.
- Dale, E. & Chall, J. S. 1948. *A Formula for Predicting Readability*. Educational Research Bulletin 27(1): 11-20.
- Davison, A. & Kantor, R. N. 1982. *On the Failure of Readability Formulas to Define Readable Texts: A Case Study from Adaptations*. Reading Research Quarterly 187-209.
- Dawood, B.A.K. 1977. *The Relationship between Readability and Selected Language Variables*. Tesis Unpublished Master Thesis (In Arabic), Iraq Baghdad University.
- Doka, H. M. 2000. *Attitudes of Malay Students Towards Learning Arabic as a Foreign Language*. Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Dornyei, Z. 2001. *New Themes and Approaches in Second Language Motivation Research* Annual review of applied linguistics 21(43-59).
- DuBay, W. H. 2002. *Using Readability Tools*. Fourth biennial conference of the PLAIN Language Association International proceedings. Anjuran Plain Language Association International. Toronto, September 26-29.
- Forsyth, J.N. 2014. *Automatic Readability Detection for Modern Standard Arabic*. Tesis Master, Department of Linguistics and English Language, Brigham Young University.
- Fry, E. 2002. *Readability Versus Leveling*. The Reading Teacher 56(3): 286-291.
- Furrer, C. & Skinner, E. 2003. *Sense of Relatedness as a Factor in Children's Academic Engagement and Performance*. Journal of Educational Psychology 95(1): 148.
- Graesser, A. C., Mcnamara, D. S., Louwse, M. M. & Cai, Z. 2004. *Coh-Metrix: Analysis of Text on Cohesion and Language*. Behavior Research Methods 36(2): 193-202.
- Grabe, W. 1988. *Reassessing the Term "Interactive"*. Dlm. Carrell, P. L., Devine, J. & Eskey, D. E. (pnyt.). *Interactive Approaches to Second Language Reading*. hlm. New York: Cambridge University Press.
- Grabe, W. & Stoller, F. L. 2002. *Teaching and Researching Reading*. London: Pearson Education.
- Gray, W. S. & Leary, B. E. 1935. *What Makes a Book Readable*. Chicago: Univ. of Chicago Press.
- Guthrie, J.T. 1972. *Learnability Versus Readability of Texts*. The Journal of Educational Research 65(6): 273-280.
- Guthrie, J.T. 2004. *Teaching for Literacy Engagement*. Journal of Literacy Research 36(1): 1-30.
- Hamilton, C. & Shinn, M. 2003. *Characteristics of Word Callers: An Investigation of the Accuracy of Teachers' Judgments of Reading Comprehension and Oral Reading Skills*. School Psychology Review 32: 228-240.
- Harison Mohd Sidek. 2010. *Reading Instruction: Theory and Practice*. Bandar Baru Nilai: USIM.
- Hawkins, R. 2001. *Second Language Syntax: A Generative Introduction*. Wiley-Blackwell.
- Al-Heeti, K. N. 1984. *Judgment Analysis Technique Applied to Readability Prediction of Arabic Reading Material*. Tesis PhD, University of Northern Colorado.
- Heilman, M., Collins-Thompson, K., Callan, J. & Eskenazi, M. 2007. *Combining Lexical and Grammatical Features to Improve Readability Measures for First and Second Language Texts*. Proceedings of NAACL HLT, hlm. 460-467.
- Hsueh-Chao, M. H. & Nation, P. 2000. *Unknown Vocabulary Density and Reading Comprehension*. Reading in a Foreign Language 13(1): 403-430.

- Isakson, C.S.& Spyridakis, J.H.2003. *The Influence of Semantics and Syntax on What Readers Remember*. Technical communication 50(4): 538-553.
- Janan, D.2011. *Towards a New Model of Readability*. Tesis PhD, University of Warwick.
- Kamarulzaman Abdul Ghani, Hassan Basri Awang Mat Dahan & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff.2006. *Mengukur Kebolehbacaan Bahan-Bahan Bacaan Bahasa Arab: Satu Keperluan Dalam Konteks Pendidikan*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 5), hlm. 107 - 114.
- Kamarulzaman Abdul Ghani.2010. *Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab Tinggi Tingkatan Empat Sekolah Menengah Kebangsaan Agama*. Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Kendeou, P., Muis, K. R. & Fulton, S.2011. *Reader and Text Factors in Reading Comprehension Processes*. Journal of Research in Reading 34(4): 365-383.
- Khadijah Rohani Md Yunus.1982. *An Assessment of the Structure Variables in Malay: A Readability Formulae*. Tesis PhD, The University of Miami.
- Khadijah Rohani Md Yunus.1989. *Formula Kebolehbacaan: Satu Cara Objektif Untuk Menentukan Tahap Kebolehbacaan Bahan-Bahan Bacaan*. Dewan Bahasa (Journal Pembinaan dan Pengembangan Bahasa) 31(4): 274 - 288.
- Al-Khalifa, H. S. & Al-Ajlan, A. A.2010. *Automatic Readability Measurements of the Arabic Text: An Exploratory Study*. The Arabian Journal For Science and Engineering 35(2C): 103 - 124.
- Klare, G.R.1969. *The Measurement of Readability*.3rd Ed.Iowa: Iowa States University Press.
- Klare, G.R.1976. *A Second Look at the Validity of Readability Formulas A*. Journal of Literacy Research 8(2): 129-152.
- Koda, K.2005. *Insights into Second Language Reading: A Cross-Linguistic Approach*. New York: Cambridge University Press.
- Koda, K.2007. *Reading and Language Learning: Crosslinguistic Constraints on Second Language Reading Development*. Language Learning 57(1): 1-44.
- Liu, X., Croft, W. B., Oh, P. & Hart, D.2004. *Automatic Recognition of Reading Levels from User Queries*. 548-549.
- Nemati, M. & Taghizadeh, M.2013. Exploring Similarities and Differences between L1 and L2.
- Newbold, N. & Gillam, L.2010. *The Linguistics of Readability: The Next Step for Word Processing*. Proceedings of the NAACL HLT 2010 Workshop on Computational Linguistics and Writing hlm. 65-72.
- Nik Farhan Mustapha, Nik Hanan Mustapha & Abdul Rahman Chik.2006. *Tabiat Membaca Dalam Bahasa Arab*. Kertas kerja International Language Learning Conference (ILLC).Anjuran Universiti Sains Malaysia.Pulau Pinang.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff.1998. *Bahasa Arab Untuk Kemahiran Komunikasi: Satu Kajian Tentang Pelaksanaannya Dan Cabaran Pengajaran Dan Pembelajaran Di Abad Ke -21*. Prosiding isu-isu pendidikan negara. Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Nurairhan Mat Daud, Hassan, H. & Abdul Aziz, N.2013. *A Corpus-Based Readability Formula for Estimate of Arabic Texts Reading Difficulty*. World Applied Sciences Journal 21(168-173).
- Pakenham, K. J.1994. *Making Connections: An Interactive Approach to Academic Reading*. New York: St Martin Press.
- Pakenham, K. J.2004. *Making Connections: A Strategic Approach to Academic Reading*. Cambridge Univ Press.
- Pearson, P. D., Hansen, J. & Gordon, C.1979. *The Effect of Background Knowledge on Young Children's Comprehension of Explicit and Implicit Information*. Journal of Literacy Research 11(3): 201-209.
- Pearson, P. D., Roehler, L. R., Dole, J. A. & Duffy, G. G.1992. *Developing Expertise in Reading Comprehension*. What research has to say about reading instruction 2:145-199.

- Perera, K.1980.*The Assessment of Linguistic Difficulty in Reading Material*.Educational review 32(2): 151-161.
- Perfetti, C. A.1985.*Ability*.New York: Oxford University Press.
- Pikulski, J.J. 2002. *Readability*, Boston: Houghton Mifflin.
- Rosni Samh.2009.*Isu Pembelajaran Bahasa Arab Di Malaysia*.Nilai: USIM.
- Rumelhart, D.E.1977.*Toward an Interactive Model of Reading*.*Attention and performance* 6: 573-603.
- Al-Saif, A. & Markert, K.2011.Modelling Discourse Relations for Arabic.*Proceedings of the Conference on Empirical Methods in Natural Language Processing*, hlm. 736-747.
- Schwarm, S.E.& Ostendorf, M.2005.*Reading Level Assessment Using Support Vector Machines and Statistical Language Models*.523-530.
- Si, L.& Callan, J.2001.*A Statistical Model for Scientific Readability*.574-576.
- Sperling, R.2006.*Assessing Reading Materials for Students Who Are Learning Disabled*.*Intervention in School and Clinic* 41: 138-143.
- Sultan, F.M.M.2011. *The Syntactic Structure of a Noun Phrase: Austroasiatic Vs. Austronesia*.*Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities* 19(1): 263-271.
- Al-Tamimi, A.-K., Jaradat, M., Aljarrah, N. & Ghanem, S.2014.*AARI: Automatic Arabic Readability Index*.*The International Arab Journal of Information Technology*,11(4): 370-378.
- Wan Azura Wan Ahmad & Lubna Abdul Rahman.2006.*Pendekatan Dan Strategi Efektif Dalam Penguasaan Bahasa Arab*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Williams, J., Leung, P., Kent, J. & Heazlewood, T.2002.*Measuring Readability in Accounting: An Application and Evaluation of the Cloze Procedure*. Working Papers no 21/02.Faculty of Commerce, Charles Sturt University.
- Zulazhan Ab. Halim.2012.*Kebolehbacaan Buku Teks Balaghah Sijil Tinggi Agama Malaysia Di Sekolah-Sekolah Menengah Agama Negeri*.Tesis PhD,Universiti Kebangsaan Malaysia.